

**Calon BN pilihan raya kecil Tenang diumumkan 19 Januari
Malaysiakini.com
January 15 2011**

Calon BN bagi pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang akan diumumkan pada 19 Januari ini.

Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman yang juga Pengarah Jentera Pilihan Raya BN di DUN itu sudah mengemukakan beberapa nama calon kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi BN, untuk dipertimbangkan.

Bagaimanapun Tengku Adnan enggan mendedahkan nama-nama calon yang tersenarai dan berharap semua pihak akan menunggu sehingga tarikh ia diumumkan.

"Abdul Ghani juga akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri dalam tempoh terdekat bagi memuktamadkan nama calon BN untuk DUN Tenang dan saya yakin keputusan muktamad mengenai nama calon BN akan dibuat sebelum tarikh itu," katanya kepada pemberita di Putrajaya hari ini ketika ditanya mengenai calon BN yang akan bertanding pada pilihan raya kecil itu.

Penamaan calon bagi pilihan raya kecil kerusi DUN itu ditetapkan pada 22 Januari dan hari pengundian pada 30 Jan.

Ia diadakan berikutan kekosongan kerusi selepas kematian penyandanginya Datuk Sulaiman Taha pada 17 Dis lepas akibat jangkitan kuman dalam darah dan kencing manis.

Tengku Adnan berkata, calon yang terpilih bagi mengisi kekosongan kerusi DUN Tenang diharap mampu memberi kemenangan besar kepada parti, dapat diterima rakyat serta memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat tanpa mengira kaum.

Ditanya mengenai persiapan BN bagi menghadapi pilihan raya kecil itu, beliau berkata jentera parti telah membuat persiapan rapi untuk mempertahankan kerusi DUN Tenang serta meningkatkan jumlah majoriti undi.

"BN juga sudah menggerakkan semua 26 bahagian BN di Johor termasuk 50 anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan 25 anggota Parlimen untuk membantu jentera pilihan raya kecil itu," katanya.

Sementara itu, beliau enggan mengulas hasrat Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin yang menawarkan diri untuk berdebat dengan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung "Pelan 100 hari" Pakatan Rakyat.

Bagaimanapun beliau berpendapat pemimpin BN tidak perlu mengikut rentak politik Pakatan kerana ia akan mengundang banyak kesan buruk.

Sebelum ini Anwar mencabar Perdana Menteri untuk berdebat dengan beliau berhubung "Pelan 100 hari" pakatan pembangkang jika mereka menang pada pilihan raya umum ke-13 dengan menjanjikan antara lainnya pemansuhan tol dan kenaikan elaun untuk guru.

Terdahulu Tengku Adnan yang juga anggota Parlimen Putrajaya menyampaikan bantuan baja, peralatan berkebun, benih ikan keli dan traktor sumbangan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) kepada peserta Kebun Komuniti di Presint 9 di Putrajaya.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/153505>